Harian Metro - 23/5/2016

# Meraih takwa dalam berpuasa

## Ramadan latih umat Islam tinggalkan perkara dilarang Allah

Sekarang kita berada pada pertengahan Syaaban. Bermakna tidak lama lagi kita akan memasuki Ramadan, bulan yang membawa seribu satu rahmat daripada Tuhan untuk kita semua.

Dalam kita menuju ke arahnya adalah baik bagi kita membuat persiapan supaya rahmat, berkat dan ampunan padanya tidak terlepas begitu saja. Jangan anggap semua itu tawaran yang menjadi pilihan, sebaliknya anugerah yang mesti diperoleh kita.

Antara persediaan utama sebelum kita menjalani ibadat puasa ialah perlunya kita memahami hakikat pensyariatan puasa. Ia adalah satu ibadat yang mempunyai kaitan dengan takwa.

Firman-Nya bermaksud: "Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa." **(Surah al-Baqarah, ayat 185)**

Syeikh Abdur Rahman as-Sa'di dalam Tafsir as-Sa'di menjelaskan maksud ayat itu: "Sesungguhnya puasa termasuk satu sebab terbesar meraih ketakwaan, kerana dalam ibadat puasa ada bentuk pelaksanaan perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya.

"Dan antara bentuk ketakwaan daripada ibadat puasa ini bahawa orang yang berpuasa melatih dirinya untuk sentiasa berasa diawasi oleh Allah SWT sehingga dia meninggalkan sesuatu perkara disukai oleh dirinya, sedangkan dia ada kemampuan melakukannya, kerana dia yakin bahawa Allah mengawasinya."



BERPUASA *adalah satu ibadat yang mempunyai kaitan dengan takwa.*

Begitu tingginya nilai takwa yang dapat dicapai hamba yang benar-benar memahami hakikat pensyariatan ibadat puasa.

Ada banyak lagi persediaan yang boleh kita lakukan sebelum tibanya Ramadan seperti memahami perkara sunat ketika berpuasa, yang membatalkan dan mengurangkan pahala puasa. Semua ini perlu kita fahami bagi memastikan kualiti ibadat puasa pada tahap terbaik.

Dewasa ini, banyak juga program di televisyen dan radio membincangkan hal berkaitan puasa. Tidak ketinggalan di masjid, surau dan sekolah. Malah, di sesetengah pejabat juga ada program khusus membincangkan hal ini.

Justeru, rebut peluang ini untuk kita mantapkan pemahaman mengenai puasa. Usah ada sikap bahawa kita sudah sekian lama berpuasa, maka tiada keperluan untuk mendalami ilmu mengenai puasa.

Sikap ini adalah antara sikap yang merugikan kita dalam memahami kelebihan berpuasa dan kemuliaan Ramadan al-Mubarak.

Mungkinkah sama ibadat puasa yang kita lakukan pada usia sepuluh tahun dengan yang bakal kita tunaikan ketika usia mencecah 30 atau 40 tahun? Hanya dengan ilmu yang betul, kualiti ibadat puasa dapat ditingkatkan.

Jika ilmu puasa dikuasai dengan baik, tidak akan timbul orang berpuasa meninggalkan solat fardu. Begitu juga tidak akan ada orang berpuasa masih mengumpat, membuka aib orang atau membuat fitnah pada Ramadan.

Ini perkara yang perlu diambil perhatian sebaiknya kerana Rasulullah pernah mengingatkan kita mengenai orang berpuasa, tetapi mereka tidak mendapat pahala daripada puasanya melainkan lapar dan dahaga saja.

***Penulis pensyarah UniSZA***

### AL-HAQ
*Sehari sepotong ayat*

**"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), melainkan dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu."**

*(Surah an-Nisa, ayat 29)*

*Tafsir Pimpinan ar-Rahman*